

D347

R B356 AAB
MAHATHIR - DEWA

KANGAR, 10 APRIL (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA GERAKAN +SETIA BERSAMA RAKYAT+ (SEMARAK) BERTUJUAN MENDEKATKAN RAKYAT DENGAN PEMIMPIN DAN BUKANNYA UNTUK MENDEWA-DEWAKAN PEMIMPIN TERTENTU.

KERAJAAN TIDAK BERNIAT ATAU MENGGALAKKAN SIKAP MENDEWA-DEWAKAN PEMIMPIN OLEH RAKYAT, KATA PERDANA MENTERI SEMASA BERUCAP MELANCARKAN GERAKAN SEMARAK PERINGKAT NEGERI PERLIS DI SUNGAI BATU PAHAT, 12 KM DARI SINI.

BELIAU BERKATA, SEMASA MENJADI MENTERI PELAJARAN DALAM TAHUN 1971, BELIAU TELAH MENGARAHKAN SUPAYA DIHENTIKAN SIKAP MENDEWAKAN PEMIMPIN.

SEMUA SEKOLAH TIDAK DIBENARKAN DINAMAKAN DENGAN NAMA MENTERI ATAU PEMIMPIN YANG MASIH HIDUP, KATANYA.

MENURUTNYA, ARAHAN ITU DIPERLUASKAN DENGAN MELARANG PENGGUNAAN NAMA MENTERI KABINET UNTUK NAMA JALAN, BANGUNAN DAN TEMPAT BERSEJARAH APABILA BELIAU BARU MENJADI PERDANA MENTERI DALAM TAHUN 1981. -- LAGI
1948MST 10 04 88

D348

R B357 AAB
MAHATHIR - DEWA 2 KANGAR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU MENOLAK PERMINTAAN KETUA MENTERI PULAU PINANG, DR LIM CHONG EU, UNTUK MENAMAKAN JAMBATAN PULAU PINANG DENGAN NAMANYA.

DENGAN ITU, NYATALAH KERAJAAN PIMPINANNYA TIDAK BERNIAT ATAU MEMBENARKAN AMALAN MENDEWAKAN PEMIMPIN, KATANYA.

+TETAPI MALANGNYA KETIKA AMALAN MENDEWA-DEWAKAN PEMIMPIN DENGAN PELBAGAI GELARAN +BAPA+ ITU DAN +BAPA+ INI SEBELUM INI, KINI DITUDUH PIMPINAN SAYA YANG HENDAK MENIUPKAN SEMANGAT MENDEWAKAN PEMIMPIN,+ KATA PERDANA MENTERI.

MENURUTNYA, +SEMARAK+ DILANCARKAN DENGAN TUJUAN MEMBOLEHKAN PEMIMPIN MENDEKATI RAKYAT DAN MEMAHAMI MASALAH MEREKA.

MELALUI PERTEMUAN SEUMPAMA ITU, HUBUNGAN RAKYAT DENGAN PEMIMPIN LEBIH ERAT DAN MESRA UNTUK MEMASTIKAN PEMBANGUNAN BERJALAN LANCAR, KATANYA. -- LAGI
1950MST 10 04 88

D351

R B359 AAB
MAHATHIR - DEWA 3 KANGAR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SEMARAK DILANCARKAN DENGAN TUJUAN YANG BAIK DAN HANYA MEREKA YANG BERNIAT BURUK SAHAJA TIDAK MENYUKAINYA.

PERDANA MENTERI JUGA KESAL DENGAN GOLONGAN TERTENTU DALAM NEGERI YANG MEMBERIKAN MAKLUMAT MEMBURUK-BURUKKAN NEGARA INI KEPADA AKHBAR DAN MAJALAH LUAR NEGERI TERTENTU YANG BERPUSAT DI HONG KONG.

KATANYA, PERBUATAN ITU MERUGIKAN NEGARA DAN MENAKUTKAN PEMODAL-PEMODAL LUAR UNTUK MELABUR DI NEGARA INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA NEGARA MEMERLUKAN PELABURAN ASING BAGI MEMBOLEHKAN RAKYAT Mendapatkan PEKERJAAN.

MENTERI PENERANGAN, DATUK MOHAMAD RAHMAT, DALAM UCAPANNYA PULA BERKATA KESETIAAN KEPADA PEMIMPIN OLEH RAKYAT AKAN MEMBOLEHKAN PARA PEMIMPIN NEGARA MENJALANKAN TANGGUNGJAWAB DENGAN LEBIH SEMPURNA. -- BERNAMA
1955MST 10 04 88